

U 8800 BAH

MAHATHIR-KESAL

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL AKAN SIKAP PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA YANG HANYA MENGAMBIL JALAN PERNIAGAAN YANG MUDAH SAHAJA.

KETIKA MERASMIKAN SIMPOSIUM KEDUA BUMIPUTERA DAN EKONOMI NEGARA DI SINI, BELIAU BERKATA BELIAU +AMAT GERAM+ APABILA IDE YANG DIKEMUKAKANNYA TIDAK DITERIMA OLEH PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA TETAPI KEMUDIANNYA TERBUKTI BERJAYA DALAM TEMPOH YANG TIDAK LAMA SELEPAS GOLONGAN LAIN MEMULAKAN PERNIAGAAN SEPERTI YANG DICADANGKANNYA.

BELIAU MENGAMBIL CONTOH PERNIAGAAN FRANCHISE, YANG TELAH DIKEMUKAKANNYA SEJAK BERADA DALAM FIMA LAGI DAN PERNIAGAAN MENGELUARKAN TUDUNG LAMPU YANG KINI JELAS MENDAPAT KEJAYAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MASIH BANYAK PELUANG PERNIAGAAN DI MALAYSIA. MASALAHNYA IALAH PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA HANYA MAHU MENGAMBIL JALAN PERNIAGAAN YANG MENJANJIKAN PULANGAN YANG MUDAH DAN CEPAT, KATANYA.

KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAKUKAN YANG AJAIB KERANA TIDAK ADA YANG AJAIB DALAM PERNIAGAAN, KATANYA. -- LAGI.

1515MST 12 04 86

U 8801 BAH

MAHATHIR-KESAL 2 KUALA LUMPUR

YANG DAPAT MEMBERIKAN KEJAYAAN ADALAH SIKAP AMANAH DALAM MENJALANKAN PERNIAGAAN, KERJA KUAT DAN KECEKAPAN PENGURUSAN, TAMBAHNYA.

JIKA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA BERUSAHA DENGAN CARA YANG LEBIH TERSUSUN, CEKAP DAN SANGGUP BEKERJA KUAT MEREKA MUNGKIN AKAN MENDAPAT KEJAYAAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+KITA BOLEH MENGELUH ATAU MENANGIS TETAPI MASALAH TIDAK AKAN PERGI. SEBALIKNYA KITA MESTI MENGANGGAP MASALAH-MASALAH INI SEBAGAI CABARAN DAN Mencari jalan mengatasinya,+ KATANYA.

WALAU APA PUN PENYELESAIAN TETAPI AKHIRNYA IA BERGANTUNG KEPADA PARA PENIAGA SENDIRI, KATANYA.

BELIAU JUGA MENEGUR SETENGAH-SETENGAH PENIAGA YANG MENGGUNAKAN MODAL UNTUK TUJUAN-TUJUAN LAIN SELAIN PERNIAGAAN. -- LAGI.

1516MST 12 04 86

U 8802 BAH

MAHATHIR-KESAL 3 KUALA LUMPUR

+SAYA TELAH TIDAK POPULAR KERANA SERING MEMBERI NASIHAT DI KHALAYAK RAMAI. ORANG MELAYU TIDAK SUKA MENDENGAR NASIHAT DI KHALAYAK RAMAI TETAPI NASIHAT SECARA BERBISIK-BISIK JUGA TIDAK MENDATANGKAN KESAN,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENASIHATI PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA SUPAYA JANGAN TERLALU GOPOH UNTUK MENJADI KAYA. BIAR LAMBAT ASALKAN SELAMAT, KATANYA. -- BERNAMA.

1517MST 12 04 86